

The Value of Mental Health

Memperkukuh daya tahan diri pada peringkat individu, produktiviti, dan sistem perlindungan



The Value of Mental Health merupakan laporan pertama dalam siri kajian Nilai Kesihatan & Kesejahteraan Zurich.



Berdasarkan data, pemodelan dan analisis polisi merangkumi Australia, Chile, Jerman, Malaysia, UAE dan UK, laporan ini melihat bagaimana keadaan kesihatan mental membentuk kehidupan seharian, produktiviti dan sistem perlindungan, serta di mana tindakan awal boleh membawa perubahan yang lebih besar.



Kesihatan mental kini menjadi pemacu utama kepada kehilangan produktiviti, penurunan penglibatan tenaga kerja, dan tekanan terhadap sistem perlindungan – kos terbesar ditanggung oleh majikan, syarikat insurans, dan individu, bukan hanya sistem kesihatan awam.




Laporan ini menyediakan pandangan berasaskan data merentasi pelbagai pasaran, bagi membolehkan proses membuat keputusan yang lebih baik dalam pembangunan produk, pengunderaitan, perbincangan dengan majikan, dan strategi pencegahan.

Hasil kajian utama Malaysia secara ringkas:

Keadaan kesihatan mental di Malaysia dijangka meningkat pada salah satu kadar terpantas, dengan purata **2.8% setahun**, tetapi kebanyakan masalah masih tersembunyi disebabkan oleh:



Stigma sosial



Kekangan tinggi untuk mendapatkan diagnosis



Jurang dalam kos & kelangsungan penjagaan



Kapasiti pakar yang rendah



4 daripada 5

rakyat Malaysia yang mengalami gangguan kesihatan mental berkemungkinan tidak mendapatkan rawatan profesional.

Unjuran Impak Menjelang 2030

Individu

Kehilangan kehidupan sihat, kesihatan menyeluruh & hilang upaya

Lebih 4 juta (1 daripada 9)

Rakyat Malaysia yang dijangka mengalami keadaan kesihatan mental menjelang 2030

62.5 hari

Purata kehidupan sihat yang hilang setiap tahun bagi individu dengan masalah kesihatan mental

95%

Kemerosotan kesihatan menyeluruh akibat morbiditi

Produktiviti

Kehilangan tenaga kerja, kesan terhadap sektor pekerjaan, dan kos ekonomi

RM34 bilion

Anggaran kerugian akibat penurunan penglibatan tenaga kerja

18%

Jurang pekerjaan dengan individu tanpa masalah kesihatan mental

95%

Kehilangan produktiviti akibat pengunduran daripada pasaran buruh

Sistem perlindungan

Penjagaan kesihatan, majikan, insurans swasta, dan penjagaan tidak formal

42%

Kos rawatan yang ditanggung sendiri

123 juta

Jumlah jam penjagaan kesihatan mental tidak berbayar yang disediakan oleh keluarga dan penjaga

RM3 bilion

Unjuran peningkatan dalam jumlah perbelanjaan kesihatan mental